



KOSMO
26-May-2010
Page: 13
General News
By: Oieh Ahmad
Region: Malaysia
Circulation: 120000
Type: Malaysia - Malay Newspapers
Size: 242.34 sq.cms
Frequency: MTWTFS

Orang Asli tempuh perjalanan tiga jam untuk bertemu MB

Bersemuka dengan MB selesai masalah

Oleh AHMAD SYAKIR SAZILI
ahmadsyakir.sazili@kosmo.com.my

IPOH - Sebelum ini, rakyat negeri Perak mungkin tidak pernah bermimpi masalah yang dihadapi mereka boleh dirujuk terus kepada Menteri Besar.

Namun menerusi pendekatan baru Hari Bertemu Pelanggan yang diadakan di Pejabat Menteri Besar Perak di sini pada setiap pagi Selasa, rakyat berpeluang mengadu permasalahan mereka malahan boleh bersemuka dengan pemimpin nombor satu negeri berkenaan.

Justeru tidak hairanlah jika ada yang sanggup datang dari jauh termasuk kawasan pedalaman dan apa yang pasti, kehadiran mereka ke Bangunan Perak Darul Ridzuan di sini sangat 'berbaloi'.

Bagi seorang ketua masyarakat Orang Asli, Andak Lembut, 47, beliau sendiri sanggup menempuh perjalanan hampir tiga jam ke pejabat berkenaan semata-mata untuk bertemu sendiri dengan Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir.

"Sebagai salah seorang ketua masyarakat di penempatan kami, saya diamanahkan untuk mengutarakan masalah anak buah saya kepada Menteri Besar," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Dia menetap di Perkampungan Orang Asli

Rancangan Penempatan Semula (RPS) Bannun, Gerik kira-kira 200 kilometer dari sini.

Dalam pada itu, seorang pesara, Abdul Jalil Harun, 68, pula berkata, dia secara peribadi terharu apabila masalah kelewatan pindah milik tanah yang dihadapinya sejak lebih 10 tahun lalu bakal 'selesai' tidak lama lagi.

"Saya sebenarnya tidak sangka Menteri Besar sudi bertemu dengan orang kampung seperti saya dan beliau memaklumkan masalah saya boleh diselesaikan dalam tempoh dua minggu," katanya.

Dalam pada itu, Zambry ketika ditemui berkata, beliau sangat berpuas hati dengan perjalanan Hari Bertemu Pelanggan yang bermula pada pukul 9.30 hingga 12.30 tengah hari setiap Selasa itu.

Secara purata katanya, lebih 100 penduduk dari seluruh negeri Perak membanjiri aras dua bangunan pentadbiran kerajaan negeri itu pada setiap kali perjumpaan.

"Saya mendengar sendiri permasalahan mereka dan kebanyakan yang hadir di sini menghadapi masalah berkaitan hak milik tanah tertunggak, bantuan persekolahan anak, orang kurang upaya (OKU) serta isu kehidupan seharian," katanya.



ZAMBRY (kiri) berbincang sesuatu dengan Andak Lembut pada Hari Bertemu Pelanggan di pejabatnya di Ipoh semalam.